



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

**Pemeriksaan bersepadu bulanan JPES dan SDT memastikan amalan perniagaan
beretika di Daerah Temburong**

Tarikh: 28 Januari 2024

1. Pemeriksaan bersepadu bulanan yang dijalankan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna bersama Unit Sukatan dan Timbangan (SDT), Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi baru-baru ini telah mendapati premis-premis perniagaan di kawasan Mukim Amo dan Mukim Bukok, Daerah Temburong mematuhi perundangan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Akta Sukatan dan Timbangan 1983, Penggal 151.
2. Objektif pemeriksaan bersepadu bulanan adalah bagi menguatkuasa Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya serta Akta Sukatan dan Timbangan 1983, Penggal 151, di samping sebagai usaha bagi meningkatkan kewaspadaan premis perniagaan terhadap keperluan untuk mematuhi perundangan-perundangan berkenaan ke arah mempromosi persekitaran perniagaan yang beretika di Negara ini.
3. Berikutan daripada pemeriksaan bersepadu berkenaan, premis-premis perniagaan didapati patuh terhadap Akta Kawalan Harga, Penggal 142 di mana premis-premis tersebut tidak menjual melebihi harga maksimum bagi barangan yang dikawal harga seperti minyak masak dan susu tepung anak damit, serta mempamerkan tanda harga dengan jelas dan betul bagi barangan yang dijual di dalam premis perniagaan masing-masing.

4. Sementara itu, Unit SDT mendapati sebanyak sembilan (9) unit alat sukat dan timbang digunakan bagi tujuan perniagaan yang mana kesemua alat-alat tersebut adalah sah, tepat dan berdaftar dengan Unit SDT selaras dengan Akta Sukatan dan Timbangan 1983, Penggal 151 dan Peraturan-Peraturan (Penelitian) Alat-Alat Sukatan dan Timbangan 1994 Ceraian 3 (1) dan (2).
5. Para peniaga disarankan untuk sentiasa mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Akta Sukatan dan Timbangan 1983, Penggal 151 dengan menjalankan perniagaan secara beretika bagi membantu merangsang pertumbuhan aktiviti perekonomian dalam negara yang sihat dan berdayatahan.
6. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi saluran-saluran rasmi seperti berikut:
 - (a) Akta Kawalan Harga, Penggal 142 – Jabatan Hal Ehwal Pengguna, JPES melalui melalui Talian Darussalam 123 atau aplikasi PenggunaBijak.
 - (b) Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151 – Unit SDT, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan melalui e-mel sdt@mofe.gov.bn.

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi